



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**NEGERI TERENGGANU**

Tingkat 11, Wisma Persekutuan,  
20594 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

Tel : 09-627 8200  
Faks : 09-622 2137  
Website : www.anm.gov.my

Rujukan Kami : JANM.TRG. PD.400-4/1/2 jilid 16 (39)  
Tarikh : 29 Januari 2026

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

**KELULUSAN KHAS MEMBENARKAN BAYARAN AP58(a) BAGI PERBELANJAAN  
MENGURUS TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-9/15/19 JLD.2(19) bertarikh 09 Januari 2026 adalah berkaitan.

2. Berdasarkan peraturan kewangan semasa, Kementerian/Jabatan/Agensi hanya dibenarkan memproses bayaran AP58(a) selepas Akaun Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan dimuktamadkan. Sehubungan dengan ini, bagi memudahkan proses bayaran AP58(a) Tahun 2025, Kementerian Kewangan bersetuju:

- i. Membenarkan Kementerian membuat bayaran bagi bayaran gaji MyStep, elaun lebih masa, dan tuntutan perjalanan bulan Disember 2025 menggunakan kelulusan di bawah AP58(a) tanpa perlu menunggu akaun awam tahun 2025 dimuktamadkan; dan
- ii. Semua pembayaran AP58(a) selain daripada item perbelanjaan di bawah perenggan 3 (i), Kementerian boleh menggunakan maklumat baki akhir dalam vot seliaan masing-masing untuk mendapatkan kelulusan AP58(a) tertakluk kepada tatacara kewangan semasa.

3. Kerjasama PTJ untuk mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) **selewat-lewatnya sebelum atau pada 23 April 2026(khamis)** seperti mana Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil 3 Tahun 2025 - Pengurusan Bayaran para 3.9 di mana semua pembayaran AP58(a) hendaklah diselesaikan **selewatnya 30 April 2026**.

4. Perhatian dan komitmen PTJ berhubung perkara ini amatlah diharapkan agar proses pembayaran AP58(a) dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Pn. Norasikin binti Nordin 09-6278204.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MAZLAN BIN MUDA, C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Terengganu